

*Tarikh Dibaca: 12 September 2025M / 19 Rabi'ul Awwal 1447H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“MALAYSIA,  
NIKMAT KURNIAAN ALLAH SWT”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah*

*Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "MALAYSIA, NIKMAT KURNIAAN ALLAH SWT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَإِنْ مِنْ قَرِيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ  
الْقِيَامَةِ أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا.<sup>۱</sup>  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَّقِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُؤْنَنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>۲</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> Al-Isra: 58.

<sup>2</sup> Ali-'Imran: 102.



diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"MALAYSIA, NIKMAT KURNIAAN ALLAH SWT"**.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Malaysia adalah tanah tumpah darah kita, tanah kelahiran yang kita diami bersama. Di bumi inilah kita mendapat jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk meneruskan kehidupan. Di sinilah tempat kita mencari rezeki, di sinilah berlalunya umur dan kehidupan kita, serta di sinilah juga tempat kita melakar masa depan anak-anak kita.

Oleh itu, marilah kita menyambut Hari Malaysia pada setiap 16 September bukan sekadar dengan acara sambutan, tetapi dengan kesedaran dan rasa cinta kepada tanah air, serta sentiasa berjuang untuk memajukan tanah air ini. Janganlah kita rela melihat sebarang keburukan menimpa negara tercinta ini. Sesungguhnya, Hari Malaysia mengingatkan kita semua akan tanggungjawab bersama dalam memelihara dan menjaga kedaulatan negara.

Alhamdulillah, Malaysia ini adalah nikmat kurniaan Allah SWT kepada kita semua. Lebih-lebih lagi dengan keistimewaan Agama Islam sebagai agama Persekutuan, Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri, kita berupaya mewujudkan keamanan, kestabilan politik serta kemajuan yang dikecapi hari demi hari. Semua ini adalah anugerah daripada Allah SWT yang wajib kita syukuri. Maka hendaklah kita memelihara nikmat ini dengan iman dan takwa kepada Allah SWT, dengan kepatuhan kepada



undang-undang negara, dan menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara yang taat dan setia.

Sebaliknya, apabila kita kufur dan ingkar kepada Allah SWT, melanggar serta mengkhianati undang-undang negara, maka akibatnya amatlah buruk. Kemungkinan nikmat keamanan dan kemakmuran boleh ditarik oleh Allah SWT pada bila-bila masa, hingga akhirnya negara ditimpa kemusnahan dan rakyatnya dilanda penderitaan.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra' ayat 58 seperti yang dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

*"Dan tidak ada suatu negeri pun (yang derhaka penduduknya), melainkan Kami membinasakannya sebelum hari kiamat atau Kami azab (penduduknya) dengan azab yang sangat keras. Yang demikian itu telah tertulis dalam kitab (Luh Mahfuz)."*

Ayat ini menjelaskan bahawa tidak ada suatu negeri yang zalim melainkan Allah SWT akan menghancurkannya dan membinasakan penduduknya. Mereka yang menyembah selain daripada Allah SWT, mengamalkan ajaran sesat atau mempertuhankan manusia, nescaya akan ditimpa azab daripada Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan daripada Jabir Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



اتَّقُوا الظُّلْمَ؛ فَإِنَّ الظُّلْمَاتِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَاتَّقُوا الشُّحَّ؛  
فَإِنَّ الشُّحَّ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، حَمَلَهُمْ عَلَى أَنْ سَفَكُوا  
دِمَاءَهُمْ وَاسْتَحْلُوا مَحَارِمَهُمْ

"Peliharalah diri kamu daripada kezaliman, kerana sesungguhnya kezaliman itu akan menjadi kegelapan pada hari kiamat. Dan peliharalah diri kamu daripada sifat kedekut, kerana sesungguhnya sifat kedekut itu telah membinasakan orang-orang sebelum kamu. Perkara ini mendorong mereka menumpahkan darah dan menghalalkan perkara-perkara yang diharamkan daripada mereka".

(Riwayat Muslim).

Kemusnahan tidak akan berlaku melainkan berlakunya kezaliman dan kekufuran. Allah SWT berfirman dalam surah al-Qasas ayat 59:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِي أُمَّهَا رَسُولًا يَتَلَوَّ أَعْلَيْهِمْ  
عَائِتَنَا وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَىٰ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَالِمُونَ .

"Dan tuhanmu tidak akan membinasakan mana-mana negeri sebelum Dia mengutus seorang Rasul yang akan membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka dan tidak pula Kami membinasakan mana-mana negeri kecuali setelah penduduknya melakukan kezaliman."



## **Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Sesungguhnya, kebenaran, keadilan serta pelaksanaan amar makruf dan nahi mungkar adalah asas penting bagi menjamin kesejahteraan dan keutuhan sesebuah negara.

Apa yang lebih utama, keamanan dan kemajuan negara yang kita kecapi pada hari ini hendaklah dipertahankan. Ia menuntut kepada adanya pemimpin yang adil, jujur dan berakhhlak mulia, serta rakyat yang berdisiplin dan taat setia. Hanya dengan itu barulah terpelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta dalam sebuah negara yang aman dan sejahtera.

Persoalannya, bagaimana mungkin sebuah negara dapat kekal aman dan selamat sekiranya rakyatnya hilang pegangan moral, sementara para pemimpinnya pula sering bertelagah serta berebut jawatan dan harta? Bagaimana pula negara dapat kekal sejahtera dan terpelihara sekiranya amalan syirik, judi dan arak berleluasa, rasuah menjadi budaya, harta diseleweng, dan gejala maksiat serta kemungkaran bermaharajalela?

Ingatlah akan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 112 yang bermaksud:

*"Dan (bagi kaum yang kufur ingkar) Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezeki datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi penduduknya mengingkari nikmat-nikmat Allah, kerana itu Allah merasakan kepada mereka kelaparan dan ketakutan disebabkan apa-apa yang selalu dilakukan oleh mereka."*



## Sidang Muslimin yang dimuliakan,

Marilah kita bersama-sama menzahirkan kecintaan kepada negara dengan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT, beramal soleh serta sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keberkatan tanah air. Pada masa yang sama, marilah kita mempertahankan dan memupuk semangat perpaduan serta menzahirkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi, agar keamanan dan kemakmuran negara terus kekal terpelihara. Rasulullah SAW sendiri telah menunjukkan contoh kecintaan kepada tanah kelahirannya, Mekah, dan juga Madinah sebagai tempat baginda SAW menetap serta memajukannya dengan petunjuk Allah SWT. Bahkan Rasulullah SAW pernah berdoa sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah *Radhiyallahu Anha*:

اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَحُبِّنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ

*"Ya Allah, jadikan kami mencintai Madinah sepermata cinta kami kepada Makkah atau lebih lagi".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Sesungguhnya, bumi Malaysia yang kita pijak inilah tanah tumpah darah kita. Di sinilah wajib kita semaikan kasih dan kecintaan kepada negara berpandukan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, agar keamanan dan kemajuan yang dinikmati ini terus berkekalan. Pada masa yang sama, kita juga bertanggungjawab menjaga kesucian agama, kesejahteraan hidup bermasyarakat, serta kedaulatan negara daripada sebarang ancaman pencemaran, keganasan, kerosakan dan pencerobohan. Sesungguhnya,



negara kita adalah nikmat kurniaan Allah SWT, amanah dan tanggungjawab kita bersama.

### **Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara penting untuk menjadi panduan dan pegangan kita bersama adalah:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Malaysia ini adalah nikmat kurniaan Allah SWT yang wajib disyukuri. Kesyukuran itu dizahirkan dengan melaksanakan segala perintah-Nya, meninggalkan segala larangan-Nya, serta menjadikan ajaran Islam sebagai panduan hidup dalam bernegara.

2. Umat Islam hendaklah tampil sebagai umat contoh dengan berganding bahu membangunkan negara, memelihara perpaduan dan menjauhi segala bentuk perpecahan.

3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Islamlah yang memelihara keamanan dan kesejahteraan sesebuah negara, dengan menegakkan kebenaran dan keadilan, bukan dengan penipuan dan kezaliman. Hanya dengan itu akan terjamin kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا كُوَّنُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ  
أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِيْنَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَإِنَّ اللَّهَ أَوْلَىٰ  
بِهِمَا فَلَا تَتَبَعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلُوْدُوا أَوْ تُعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ  
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا.

"Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan, menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Jika seseorang (yang didakwa itu) kaya atau miskin, (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih tahu kemaslahatan (kebaikannya). Oleh itu, janganlah kamu mengikuti hawa nafsu supaya kamu tidak menyimpang daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan menjadi saksi maka ketahuilah Allah Maha Mendalam terhadap apa-apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Nisa': 135).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُ  
عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا.<sup>3</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

<sup>3</sup> Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكَيْنَ،  
وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الْدِّينِ، وَآجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ  
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ وَفِقْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا  
فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَّةٍ بِمِنْكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ



عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahu anhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa mendekatkan diri kepada-Mu.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Al-Furqan: 74.



رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.<sup>٥</sup>  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ.<sup>٦</sup>  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 201.

<sup>6</sup> Al-Nahl: 90.